

12 OCT 1996

Umno-Gulung (Anwar)

JADIKAN GERAKAN REFORMASI SEBAGAI TEMA PERJUANGAN UMNO

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Anggota Umno hari ini diminta menjadikan gerakan reformasi bangsa Melayu sebagai tema perjuangan parti dalam tahun-tahun akan datang.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Timbalan Presiden Umno mahukan agar mulai bulan depan akan ada semangat perbahasan mengenai gerakan reformasi itu oleh para anggota parti di peringkat bahagian diikuti dengan peringkat cawangan pada Disember.

"Tiga empat bulan lalu saudara sudah bekerja cukup kuat, kita nak tengok pula boleh (ke) tidak kita bekerja dengan kuat lagi untuk membangunkan reformasi bangsa Melayu yang tulen di negara kita.

"Kalau kita ikhlas, jangan bicara lain kerja lain, jangan bicara soal reformasi tetapi tidak yakin dengan reformasi, jangan bicara soal moral tetapi masih mempertahankan hidup yang curang, jangan bicara soal kebersihan tetapi bergelumang dengan rasuah, jangan berbicara soal reformasi tetapi tidak sanggup melihat pembaharuan dan perubahan besar yang harus berlaku di kalangan masyarakat Melayu," katanya semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Anwar menumpukan ucapan penggulangannya kepada soal reformasi bangsa yang menjadi teras ucapan dasar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno ketika merasmikan perhimpunan kali ini.

Beliau berkata saranan Dr Mahathir supaya Umno melakukan post-mortem ketika ia masih kuat mempunyai kebijaksanaan tersendiri kerana ia akan menyelamatkan parti daripada menjadi lemah pada masa akan datang.

"Ini pra syarat sebelum berlakunya reformasi. Reformasi dan pembaharuan hanya dalam keadaan kita kuat dan kukuh, reformasi hanya dalam keadaan kita digerak oleh suatu kekuatan...ada seruan dari dalam untuk membawa perubahan, gerakan reformasi budaya itu tidak berlaku tanpa kesedaran untuk membawa perubahan ke arah kebaikan sesuatu masyarakat," katanya.

Anwar berkata bahawa sebelum berlaku reformasi harus ada kesungguhan untuk membetulkan keadaan diri dan parti, diikuti dengan reformasi budaya pemikiran masyarakat termasuk fahaman dan tanggapan orang Melayu terhadap agama, Islam, budaya masyarakat dan teknologi baru.

"Barulah boleh kita angkat, bangkit semula, kebangkitan semula termasuk ciri-ciri budaya lama yang luhur, yang aliran feudal dan membekukan pemikiran, dan jumud diketepikan, yang positif dihidupkan," katanya.

Anwar menganggap ucapan dasar Dr Mahathir sebagai yang pertama dalam sejarah politik, seorang pemimpin mengambil keputusan untuk bertindak menyergah, menggesa, menyeru dan merayu supaya parti melakukan muhasabah (menilai diri sendiri).

"Satu peringatan dan ucapan yang cukup menyayat perasaan, yang harus kita renung dalam keadaan kita kukuh dan kuat. Memang sebagai penyokong, mendengar berulang kali (beliau) menyergah, menggesa dan merayu, saya anggap terlalu keras, terlalu kuat tetapi percayalah tiada pilihan buat beliau dan buat kita," katanya.

Anwar berkata lebih baik Umno membetulkan diri ketika dalam keadaan yang kuat kerana selalunya pemimpin dan parti yang kuat akan alpa dan terpukau dengan pujian dan tidak akan mengambil tindakan membetulkan kelemahan dalam parti.

"Sebaliknya dalam keadaan kita kuat (dalam) politik, ekonomi dan jentera, kita memilih untuk mengadakan post-mortem," katanya.

Sebagai pengerusi jawatankuasa disiplin Umno, yang diamanahkan mengambil beberapa tindakan, Anwar berkata tindakan itu akan diteruskan untuk memastikan semangat menjaga disiplin parti dan tidak hanya semasa perhimpunan agung parti.

Anwar turut mengucapkan tahniah kepada calon-calon yang menang dalam pemilihan parti Khamis lepas dan meminta mereka yang tewas pula supaya bersabar dan meneruskan perjuangan menyokong kepimpinan Umno agar parti itu terus menjadi lebih kuat.

"Sama ada yang menang atau kalau, janganlah ada tindakan pulau memulau antara satu sama lain," katanya.

Sambil meminjam senikata lagu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, Anwar berkata: "Buang yang keruh ambil yang jernih, baru teguh peribadi". --  
BERNAMA

AFY MAI